



DR. MAHATHIR Mohamad berbincang dengan Thaksin Shinawatra di Rumah Pitsanulok, Bangkok semalam sempena lawatan dua harinya ke Thailand. — Reuters

Mahathir tiba di Bangkok lawatan dua hari

BANGKOK 21 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari atas jemputan pengerusi Suruhanjaya Perdamaian Kebangsaan (NCR) Anand Panyarachun.

Ketibaan Dr. Mahathir dan isteri disambut oleh Timbalan Menteri Luar Sub Lt. Prapas Limpabandhu dan Duta Malaysia ke Thailand Datuk Shaarani Ibrahim.

Dr. Mahathir kemudian mengunjungi Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di kediaman rasminya di Ban Phitsanulok di sini sebelum menghadiri jamuan sempena lawatan tersebut.

Walaupun tidak ada agenda khusus, kedua-dua mereka dijangka membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama khususnya kekacauan di kawasan penduduk Islam di selatan negara itu.

Esok, Dr. Mahathir akan bertemu dengan bekas perdana menteri Anand sebelum mengadap Raja Thailand, Raja

Bhumipol Adulyadej dan Ratu Sirikit Kitiyakorn di Istana Klaikangvol sebelum pulang ke tanah air.

Ketika menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Busan, Korea Selatan, Sabtu lepas, Thaksin berkata beliau telah meminta lebih kerjasama daripada rakan sejawatnya dari Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai isu 131 orang Islam warga Thai yang melarikan diri ke Kelantan Ogos lepas.

Thaksin berkata beliau telah berbincang secara ringkas dengan Abdullah mengenai hai tersebut serta keganasan berterusan di **Wilayah** selatan negara itu.

Beliau juga dilaporkan berkata walaupun beliau akan menjelaskan kepada Dr. Mahathir pada perbincangan itu bahawa keganasan di **Wilayah** selatan adalah masalah dalaman negaranya, kerjasama dua hala yang rapat diperlukan bagi menangani isu-isu seperti dwi-kewarganegaraan dan kemasukan haram di sempadan. — Bernama